

**KERTAS CADANGAN KAJIAN
PROGRAM SARJANA
HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SESI 2011**

Mr. X

791226 – xx – xxxx

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

KERTAS CADANGAN PENGAJIAN
PROGRAM SARJANA
PERKHIDMATAN GUNASAMA
HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SESI 2011

1. Bidang Pengajian

Pengurusan Sumber Manusia (PSM) –
Ijazah Sarjana Sains Sosial (**Psikologi Kaunseling**)

2. Tajuk Kajian

Ciri-Ciri Kepimpinan dan Kaitan Personaliti Pentadbir Antara Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dengan Pegawai Daripada Skim Perkhidmatan Yang Lain (penumpuan kepada Pegawai Perubatan, Jurutera, Pegawai Tadbir dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan)

3. Latar Belakang

3.1 Dari segi istilah, psikologi bermaksud ilmu sains yang mengkaji jiwa atau fikiran manusia dan segala rupa kelakuan manusia (Kamus Dewan, 1989). Psikologi kaunseling pula merupakan bidang khusus yang memberi perhatian kepada penerapan ilmu-ilmu dan amalan psikologi serta pendekatan kaunseling terhadap permasalahan individu di dalam sesebuah organisasi. Pendekatan yang diamalkan adalah berkonsepkan psikologi organisasi dan kaunseling individu. Ianya bertujuan supaya pemeliharaan, pembangunan dan penggunaan modal insan senantiasa berada di tahap optimum bersesuaian dengan peranan dan fungsi seseorang individu serta persekitaran organisasinya dalam melaksana dan mencapai visi, misi dan objektif organisasi berkenaan.

- 3.2 Seperti yang kita sedia maklum, perkhidmatan awam merupakan tulang belakang kepada jentera pentadbiran kerajaan. Pada masa ini, jumlah penjawat awam mencecah 1.2 juta orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan gred dan skim perkhidmatan. Dengan jumlah yang sebesar ini, sudah semestinya terdapat segelintir pegawai bermasalah yang secara tidak langsung menjejaskan prestasi penyampaian perkhidmatan organisasi kepada pelanggan. Perkara ini perlu diberi tumpuan dan penilaian sama ada ianya adalah kegagalan individu bertanggungjawab atau kelemahan pentadbir atau faktor-faktor luaran dan persekitaran yang lainnya.
- 3.3 Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab dan peranan setiap Pentadbir untuk menangani permasalahan yang timbul bagi mengelakkan ianya menjejaskan prestasi perkhidmatan individu dan jabatan keseluruhannya. Peranan dan fungsi yang dimainkan oleh setiap Pentadbir dalam menerajui organisasi mereka mencerminkan ciri-ciri dan kebolehan kepimpinan yang mereka ada. Secara tidak langsung, sebarang tindakan dan keputusan Pentadbir memberi impak kepada individu itu sendiri, organisasi yang diterajui, kecekapan pengurusan dan pembangunan modal insan.

4. Objektif Kajian

- 4.1 Mengkaji persamaan dan perbezaan ciri-ciri kepimpinan Pentadbir;
- 4.2 Melihat ciri-ciri personaliti Pentadbir;
- 4.3 Menilai keupayaan Pentadbir dalam mengaplikasikan konsep dan amalan psikologi dalam pengurusan jabatan;
- 4.4 Mengenal pasti limitasi dan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan/kegagalan pengurusan psikologi dalam organisasi; dan
- 4.5 Melihat keberkesanan pengurusan dan pentadbiran organisasi diantara pegawai dari pelbagai skim perkhidmatan.

5. Metodologi Kajian

5.1 Kajian yang dijalankan akan melihat melalui aspek persekitaran kerjaya *Holland* yang akan merangkumi pelbagai aspek pemerhatian. Selain itu, aspek personaliti pula akan dinilai melalui soal selidik unggul yang dibangunkan oleh pihak JPA. Bagi melihat ciri-ciri kepimpinan Pentadbir pula, pelbagai kaedah kajian yang ada pada hari ini boleh digunakan. Sehubungan itu, kajian ini adalah bersifat kolerasi bertujuan untuk melihat pertalian antara aspek personaliti, latihan, pendedahan, kepimpinan dan pengalaman Pentadbir tersebut. Selain itu, dapatan kajian juga merangkumi program-program soal selidik, borang kajian, perpustakaan dan sebagainya.

5.2 Sampel kajian pula terdiri daripada para pegawai daripada skim-skim perkhidmatan seperti yang dinyatakan yang pada masa ini berkhidmat dan menjalankan tugas sebagai Pentadbir jabatan dan/atau cawangan.

6. Pelan Pengajian

6.1 Peringkat Pertama :

- Penyediaan asas kajian
- Pembinaan teori dan konsep

6.2 Peringkat Kedua

- Penyediaan soalan temuduga, borang soal selidik.
- Kajian perpustakaan
- Pengumpulan data dan kajian perbandingan.

6.3 Peringkat Ketiga

- Analisis data.
- Penulisan laporan.
- Penyediaan kertas kajian.

7. Potensi Kajian Kepada Perkhidmatan Awam

Kajian ini akan melihat ciri-ciri kepimpinan organisasi bagi setiap Pentadbir. Selain itu ianya juga akan menggambarkan peranan psikologi organisasi dan kaunseling individu dalam merangka dan melaksana urusan pentadbiran dan pengurusan organisasi. Kajian ini juga akan melihat adakah kepelbagaian latar belakang Pentadbir mempengaruhi tindakan dan peranan mereka dalam menunaikan amanah dan tanggungjawab sebagai Pentadbir. Di akhir kajian, diharapkan ianya dapat memberi gambaran yang jelas tentang kesesuaian skim perkhidmatan yang perlu untuk menjadi Pentadbir dan adakah latihan di peringkat awal proses pelantikan memainkan peranan penting dalam membentuk Pentadbir yang berupaya mentadbir organisasi dan pada masa yang sama berjaya sebagai pegawai psikologi kepada organisasi dan para pegawainya. Hasil kajian juga diharapkan dapat memberi panduan kepada pengurus sumber manusia sektor awam bagi menyediakan para pegawai yang terlatih dan mapan dalam melaksanakan tugas sebagai Pentadbir.

BIBLIOGRAFI

Jurnal Psikologi Perkhidmatan Awam Malaysia, Bilangan 2, Jun 2007.

Jurnal Psikologi Perkhidmatan Awam Malaysia, Bilangan 3, Jun 2008

Jurnal Psikologi Perkhidmatan Awam Malaysia, Bilangan 4, Jun 2009

Koleksi Kajian, Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.